

OM yakin capai sasaran RM11.14b

Outsourcing Malaysia (OM), inisiatif di bawah Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) yakin mencapai sasaran pendapatan industri penyumberan luar negara berjumlah AS\$3.4 bilion (RM11.14 bilion) menjelang tahun 2017.

Pengerusi OM, David Wong Nan Fay, berkata keyakinan itu bersandarkan jalinan perkongsian institusi antara OM, Setia Haruman Sdn Bhd dan i2M Ventures Sdn Bhd yang bakal menjadi penggerak kepada pertumbuhan industri berkaitan pada masa depan.

Menerusi kerjasama itu juga, katanya, OM percaya sasaran jumlah pekerja dalam industri penyumberan luar mampu mencapai 88,000 orang menjelang 2017 berbanding 65,000 orang ketika ini, dengan saiz pasaran bernilai AS\$5 bilion (RM16.4 bilion) daripada 300 syarikat.

Kembang perniagaan

"Sasaran kadar pertumbuhan purata (CAGR) 15 peratus dari segi pendapatan daripada AS\$1.9 bilion (RM6.23 bilion) dapat

dicapai hasil pakatan strategik ini kerana ia memberi ruang kepada industri penyumberan luar, khususnya ahli OM mengembangkan perniagaan dengan lebih mudah dan tersusun," katanya pada sidang media pengumuman perkongsian itu di Cyberjaya, semalam.

Turut hadir, Pengarah Setia Haruman, Datuk P Kasi dan Pengarah Urusan i2M Ventures, Zulfiqar Zainuddin.

Menerusi perkongsian institusi, OM akan memberi galakan kepada pemain industri penyumberan luar terutama 135 ahlinya, mengembangkan operasi di Cyberjaya menerusi sokongan Setia Haruman sebagai pemaju induk bandar pintar itu dan di Iskandar Malaysia menerusi i2M Ventures.

Nan Fay berkata, berdasarkan perkongsian institusi, ahli OM dapat menarik lebih banyak pelabur tempatan dan asing menyertai syarikat kerana kedua-dua entiti iaitu Setia Haruman dan i2M Ventures akan menyediakan pelbagai kemudahan selepas beroperasi di Cyberjaya dan Iskandar Malaysia.



David Wong Nan Fay